

**TAHAP PENINGKATAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI  
KHIDMAT KOMUNITI PELAJAR KOKURIKULUM UTM**

**NORAISHAH BINTI TARNI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

TAHAP PENINGKATAN KEMAHIRAN INSANIAH MELALUI  
KHIDMAT KOMUNITI PELAJAR KOKURIKULUM UTM

NORAISHAH BINTI TARNI

Tesis Ini Disampaikan Sebagai  
Memenuhi Syarat Penganugerahan  
Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional)

FAKULTI PENDIDIKAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2013

## DEDIKASI

Buat insan yang dikenang  
Dengan ingatan yang tulus ikhlas buat

*Suami & Puteri yang tersayang*  
*Muhamad Zainal bin Sakaria & Nur Afiqah Zulfah*  
Terima kasih atas kesabaran & pengorbanan yang diberikan selama ini  
Kasih sayang kalian melahirkan kebahagiaan dalam diri ini

*Ayah & Mummy yang dikasih*  
*Hj Tarni bin Juma'at & Hj Zaini binti Hashim*  
Kesabaran & pengorbanan kalian selama ini  
Kini membuahkan hasil yang menjadi impian kalian

*Ayah & Ibu mertuaku yang dihormati*  
*Hj Sakaria bin Mat Yasim & Hj Daliyaton binti Suradi*  
Walaupun tanpa bicara  
Ku mengerti kasih sayang & penghargaan yang kalian berikan

*Abang Long & Kak Long, Kak Ngah & Abang Ngah*  
*Abang Ude & Kak Ude, Uteh, Acik,*  
*Gafur & Nabila, Adibah & Shariff*  
*Serta Anak-anak saudaraku*  
Kenangan terindah yang tercipta antara kita  
Menjadi kekuatan sebuah kajayaan ini

Setinggi Penghargaan Untuk Semua Sahabat & Pensyarah  
Segala pengorbanan kalian mendorong untukku berbakti demi Agama, Bangsa & Negara

Tiada yang lebih bermakna selain dari pengorbanan, dorongan serta doa suci kalian  
semua sepanjang perjuangan ini, hanya Allah jualah yang membalasnya

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

*Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.*

Segala puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kajian ini dapat disiapkan. Selawat dan salam ditujukan kepada Rasulullah S.A.W. yang membawa rahmat ke seluruh alam.

Pertama sekali saya ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana , ***PM Dr Mohd Khata bin Jabor*** di atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga dan hanya Allah S.W.T. yang mengetahui dan membalas jasa-jasa yang sangat besar ini.

Terima kasih kepada pelajar yang mengikuti kursus khidmat komuniti dari Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum UTM atas kesudian memberi kerjasama yang amat tinggi dalam menyiapkan projek sarjana ini. .

Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung kerana sudi menghulurkan bantuan, pendapat dan idea dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga segala ilmu yang saya perolehi akan dapat dijadikan panduan dan pedoman pada diri saya pada masa hadapan. Sesungguhnya segala jasa-jasa yang diberikan akan dikenang sentiasa. Saya juga berharap agar projek sarjana ini dapat digunakan sebaiknya pada masa akan datang.

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengenal pasti tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM. Kemahiran insaniah terdiri daripada tujuh kemahiran iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan. Selain itu, kajian ini turut mengkaji hubungan tahap peningkatan kemahiran insaniah dengan aliran pengajian pelajar dan mengkaji perbezaannya merentas kawasan khidmat komuniti di bandar dan di luar bandar. Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Populasi yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar kokurikulum UTM. Dapatan kajian di analisis menggunakan perisian "*Statistical Package For Sosial For Window Version 16.0*" (SPSS 16.0) secara deskriptif dan inferensi.. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM adalah tinggi iaitu 87.4%. Hasil statistik Inferensi menunjukkan hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan semua elemen kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar dan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan semua elemen kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di kawasan bandar dan luar bandar. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan berlaku peningkatan tahap kemahiran insaniah dalam menyertai khidmat komuniti. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran insaniah dengan aliran pengajian pelajar. Manakala tidak terdapat perbezaan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di kawasan bandar dan luar bandar.

## ABSTRACT

This study is a survey to identify the improvement of soft skills level among UTM co-curricular students in their community service. Soft skills consist of seven skills of communication skills, critical thinking and problem solving skills, teamwork skills, lifelong learning and information management, entrepreneurial skills, professional ethics and morality, and leadership skills. In addition, this study also examines the relationship between the improvement of soft skill level and the courses of the students as well as examines the differences between community service in the city and in rural areas. This study was conducted a study using survey questionnaire as instrument. The population involved in this study was a group of UTM co-curricular students. The data obtained was analyzed descriptive and inferential by using a “*Statistical Package for the Social Sciences Version 16.0*” (SPSS 16.0) software. The results showed that the level of soft skills among UTM co-curricular student in community service was as high as 87.4%. The inferential statistics has shown a significant relationship between the improvements of soft skill level and the courses of the students. While no significant differences between community service in the city and in rural areas.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1. Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	10
	1.7 Kerangka Konsep	12
	1.8 Kepentingan Kajian	13
	1.9 Limitasi Kajian	14
	1.10 Definasi Terminologi.	14

1.10.1	Kemahiran Insaniah	14
1.10.2	Khidmat Komuniti	15
1.10.3	Pelajar Kokurikulum UTM	16
1.11	Penutup	16

## **BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	17
2.2	Kemahiran Insaniah	18
2.2.1	Kemahiran Komunikasi	18
2.2.2	Kemahiran Kerja Berpasukan	19
2.2.3	Kemahiran Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah	20
2.2.4	Kemahiran Kepimpinan	22
2.2.5	Pembelajaran Berterusan & Pengurusan Maklumat	23
2.2.6	Kemahiran Keusahawanan	24
2.2.7	Kemahiran Moral & Etika Profesional	25
2.3	Khidmat Komuniti	26

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	29
3.3	Prosedur Kajian	30
3.3.1	Peringkat Pertama.	30
3.3.2	Peringkat Kedua	31
3.4	Kerangka Operasi	31
3.5	Lokasi Kajian.	33
3.6	Populasi Kajian	33



3.7	Pemilihan Sampel.	34
3.8	Instrumen Kajian.	34
3.9	Kesahan Instrumen	36
3.10	Kajian Rintis Dan Kebolehpercayaan Instrumen	37
3.11	Penganalisan Data	38
3.12	Penutup	43

#### **BAB 4 ANALISA DATA**

4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisa Bahagian A	44
4.3	Analisisa Persoalan Kajian 1	47
4.4	Penganalisan Inferensi	63
4.4.1	Analisa Persoalan Kajian 2	64
4.4.2	Analisa Persoalan Kajian 3	76
4.5	Penutup	85

#### **BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	89
5.2	Perbincangan kajian	89
5.2.1	Perbincangan Persoalan Kajian 1	90
5.2.2	Perbincangan Persoalan Kajian 2	95
5.2.3	Perbincangan Persoalan Kajian 3	99
5.3	Rumusan Kajian	102
5.3.1	Rumusan Persoalan Kajian 1	102
5.3.2	Rumusan Persoalan Kajian 2	104

5.3.3	Rumusan Persoalan Kajian 1	104
5.4	Cadangan	105
5.4.1	Cadangan Bagi Pihak Terlibat.	105
5.4.1.1	Cadangan Kepada Pelajar	105
5.4.1.2	Cadangan Kepada Pihak Kokurikulum	106
5.5	Penutup	106
 <b>RUJUKAN</b>		
	<b>Rujukan</b>	107
 <b>LAMPIRAN</b>		
	<b>Lampiran A-C</b>	111

## SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual Skala Likert	36
3.2	Bentuk analisis data mengikut persoalan kajian	39
3.3	Perubahan 5 point Skala Likert kepada skala 3 peringkat	42
3.4	Tahap penilaian berdasarkan peratus	43
4.1	Taburan responden mengikut jantina.	45
4.2	Taburan responden mengikut keturunan	45
4.3	Taburan responden mengikut kawasan khidmat komuniti	46
4.4	Taburan Responden Mengikut Fakulti Pengajian	46
4.5	Kemahiran komunikasi dalam khidmat komuniti.	48
4.6	Kemahiran kerja berpasukan dalam khidmat komuniti	50
4.7	Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam khidmat komuniti.	52
4.8	Kemahiran kepimpinan dalam khidmat komuniti	54
4.9	Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dalam khidmat komuniti	56
4.10	Kemahiran keusahawanan dalam khidmat komuniti	58
4.11	Moral dan etika profesional dalam khidmat komuniti	60
4.12	Dapatan peratus, min dan sisihan piawai mengikut kemahiran insaniah sebelum dan selepas khidmat komuniti.	62

4.13	Hubungan antara tahap peningkatan kemahiran komunikasi dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	66
4.14	Hubungan antara tahap peningkatan kerja berpasukan dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	67
4.15	Hubungan antara tahap peningkatan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	68
4.16	Hubungan antara tahap peningkatan kemahiran kepimpinan dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian	70
4.17	Hubungan antara tahap peningkatan pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	71
4.18	Hubungan antara tahap peningkatan kemahiran keusahawanan dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	72
4.19	Hubungan antara tahap peningkatan kemahiran moral dan etika professional dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian	74
4.20	Hubungan antara tahap peningkatan semua elemen kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar dengan aliran pengajian.	75
4.21	Perbezaan terhadap kemahiran komunikasi antara kawasan khidmat komuniti	77
4.22	Perbezaan terhadap kemahiran kerja berpasukan antara kawasan khidmat komuniti	78
4.23	Perbezaan terhadap kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah antara kawasan khidmat komuniti	79

4.24	Perbezaan terhadap kemahiran kepimpinan antara kawasan khidmat komuniti	80
4.25	Perbezaan terhadap kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat antara kawasan khidmat komuniti	82
4.26	Perbezaan terhadap kemahiran keusahawanan antara kawasan khidmat komuniti	83
4.27	Perbezaan terhadap kemahiran moral dan etika profesional antara kawasan khidmat komuniti	84
4.28	Perbezaan terhadap semua elemen kemahiran insaniah antara kawasan khidmat komuniti	85

**SENARAI RAJAH**

<b>NO RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.1	Kerangka Konsep Kajian	12
3.1	Kerangka Operasi Kajian	32

**SENARAI SINGKATAN**

%	-	Peratus
AS	-	Amat Setuju
ATS	-	Amat Tidak Setuju
B	-	Bilangan
CGPA	-	<i>Cumulative Grade Point Average</i>
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KI	-	Kemahiran Insaniah
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
RMK-9	-	Rancangan Malaysia Kesembilan
S	-	Setuju
SPSS 16.0	-	<i>Statistic Package For The Social Science Version 16.0</i>
TP	-	Tidak Pasti
TS	-	Tidak Setuju
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO BIL.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Pengesahan Status Pelajar	112
B1	Pengesahan Isi Kandungan Instrumen Kajian 1	113
B2	Pengesahan Isi Kandungan Instrumen Kajian 2	114
C	Soal Selidik	115



# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Memberi kepada yang memerlukan tidak pernah mengurangkan apa yang ada pada diri, malah menyuntik subur keberkatan dan kemajuan dalam kehidupan. Sesungguhnya setiap kebaikan yang diberikan dalam khidmat kepada yang memerlukan, pasti kebaikan itu berbalik kepada diri.

*“Jika kami berbuat kebaikan, (maka faedah) kebaikan yang kamu lakukan adalah untuk diri kamu; dan jika kamu berbuat kejahatan, maka (kesannya yang buruk) berbalik kepada diri kamu juga.” [Al-Israa’ 17:7]*

Begitu juga kepada mereka semua yang membuat khidmat komuniti kepada masyarakat yang memerlukan. Khidmat yang diberi adalah berasaskan ilmu yang dipelajari di kelas dan disampaikan melalui perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat. Menurut Rahizam (2012), khidmat seperti ini merupakan satu usaha membantu pelajar dalam mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam kelas dan yang paling penting adalah pengalaman yang diperoleh pelajar setelah mengikuti khidmat ini.

Selain memberi khidmat kepada yang memerlukan, khidmat komuniti ini merupakan kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pelajar perlu menguasai ilmu yang dipelajari, ini dapat membantu pelajar untuk memberikan khidmat yang sempurna kepada masyarakat. Dengan ini membantu pelajar meningkatkan kemahiran yang ada pada diri dalam kehidupan pelajar. Pengamalan ilmu dalam khidmat yang diberi akan membentuk kemahiran pelajar.

Neukrug (2002), menyatakan kemahiran sebagai pengetahuan yang dipelajari dan ia berkemampuan untuk menyalurkan pengetahuan kepada golongan yang memerlukannya. Beliau juga merujuk kemahiran sebagai satu pengalaman yang pernah dilalui dan pengalaman itu digunakan bagi tujuan untuk mencapai matlamat. Kemahiran merupakan bahagian terpenting yang menjadi inti pati membentuk kejayaan pengetahuan pelajar.

## **1.2 Latar Belakang**

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, matlamat utama pendidikan negara adalah untuk menghasilkan individu yang seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan. Oleh itu, aktiviti pengajaran dan pembelajaran harus difokuskan kepada pencapaian hasil pembelajaran dalam empat domain utama, iaitu kognitif (pengetahuan), psikomotor (kemahiran fizikal), afektif, dan sosial (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006). Namun, menurut laporan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Alumni (2010), sistem pendidikan yang sedia diamalkan hanya boleh dianggap berjaya dalam memberikan kemahiran kognitif dan sebahagian besar kemahiran psikomotor. Justeru, Kemahiran Insaniah (KI) domain afektif dan sosial yang sangat perlu bagi pembentukan insan kamil yang seimbang amat jauh ketinggalan. Akibatnya, produk sistem pendidikan kini ataupun modal insan yang dibentuk tidak seimbang seperti yang dihasratkan.

Menurut laporan itu lagi, jika diteliti, masalah ini antara lain berpunca daripada ketidakseimbangan kurikulum, terutamanya dalam menentukan Hasil Pembelajaran (LO) dan taksonomi pembelajaran yang perlu dicapai, ketidakpelbagaian dalam penyampaian serta ketidakberkesanan pentaksiran dan penilaian, dan membiarkan aspek-aspek ini menjadi statik dan tidak dinamik. Strategi, pendekatan dan kaedah penyampaian dan penilaian pengajaran dan pembelajaran tidak diberi yang sewajarnya untuk memenuhi keperluan semasa. Aktiviti kokurikulum juga gagal dilihat sebagai komponen yang berasingan dan tidak disepadukan secara optimum dalam usaha membentuk dan menjana Kemahiran Insaniah (KI) yang diharapkan (Abdullah Sani, 2005).

Menurut Mohd Yahya (2007), institusi pendidikan tertinggi harus menjadi tempat yang paling sesuai untuk menggilap Kemahiran Insaniah (KI) pelajar. Pelajar IPT pula perlu mempunyai keinginan dan keupayaan untuk melibatkan diri dalam proses pembentukan modal insan dengan minda kelas pertama ini. Justeru, penerapan Kemahiran Insaniah (KI) mesti dilaksanakan secara menyeluruh oleh universiti dengan melibatkan semua pihak yang ada hubungan dengan pelajar.

Jabar Ibrahim (2002) menyatakan sejarah kegemilangan Islam telah memperlihatkan bahawa tamadun keilmuan telah bertapak dalam sejarah keagungannya. Perkembangan ilmu pengetahuan telah melahirkan tokoh-tokoh cendekiawan terulung antaranya Imam Syafie, Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Ghazali, Ibnu Sina, Ibnu Rusydi. Tokoh-tokoh tersebut telah mewariskan dengan pelbagai bidang keilmuan. Kemampuan menguasai ilmu pengetahuan secara intergratif boleh menjadikan kekuatan pengetahuan yang pelbagai dan semasa supaya kecemerlangan intelektual dapat dikembangkan. Kekuatan peribadi dapat ditampikan dan ketangkasan jasmani dapat dibangunkan.

Memiliki ketrampilan akademik semata-mata masih tidak menjamin seseorang graduan mendapat pekerjaan akibat dari persaingan sengit di dunia pasaran kerjaya hari ini (Hairunnaja, 2006). Kebanyakan majikan bukan sahaja menjadikan pencapaian akademik sebagai kriteria utama pemilihan, tetapi juga meletakkan penguasaan kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam kalangan graduan sebagai kriteria pemilihan bakal pekerjanya. Sehubungan dengan ini, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa.

Semenjak dilancarkan, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan IPTA telah mengambil pelbagai langkah dan inisiatif untuk merealisasikan program pembangunan Kemahiran Insaniah (KI) dalam kalangan pelajar IPT ini. Kajian kuantitatif awal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas mengenai pelaksanaan aktiviti yang telah dijalankan, khususnya yang berasaskan aktiviti P&P. Tujuh elemen Kemahiran Insaniah (KI) telah dikenalpasti untuk dijadikan atribut yang perlu dikuasai oleh graduan IPTA. Elemen KI ini ialah Kemahiran Berkomunikasi, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Kemahiran Kerja Berpasukan, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Keusahawanan, Etika dan Moral Profesional serta Kemahiran Kepemimpinan (Mohd Yahya, 2007).

Khidmat komuniti boleh dianggap sebagai satu tindakan membantu golongan masyarakat yang memerlukan bantuan tanpa mengharapkan sebarang balasan pula. Antara tindakan yang termasuk dalam kategori khidmat komuniti ini ialah membantu orang tua di rumah orang tua, anak-anak yatim di rumah kebajikan dan juga menjalankan kutipan derma untuk disumbangkan kepada badan kebajikan yang tertentu atau memerlukan bantuan segera itu. Amalan murni ini sudah mula tertanam di negara ini kerana sudah wujud pelbagai persatuan yang menjurus untuk membantu golongan yang sebegini di negara kita ini. Lantaran itu, memang ada banyak impak

positif yang timbul apabila melibatkan diri dalam aktiviti ini (Mohamed, Ali, Badaruddin, Sufian, Kahirol, Ahmad dan Nor Lisa, 2008).

Menurut Faizah (2006), impak yang paling ketara akan lebih menyedari erti kehidupan yang sebenarnya atau realiti kenyataan hidup. Dalam usaha membantu golongan yang memerlukan akan memahami betapa pentingnya kehidupan ini dihargai dan digunakan dengan sebaik mungkin tanpa melakukan kesilapan yang boleh menjejaskan kehidupan mereka pada masa depan. Mereka yang menyertai akan melihat diri mereka dalam setiap aktiviti yang dijalankan itu dengan lebih baik lalu mampu melahirkan satu pandangan yang positif tentang erti kehidupan yang hakiki dan bukannya sekadar seperti katak di bawah tempurung sahaja. Maka, semakin banyak aktiviti sebegini dilakukan semakin luaslah pandangan hidup manusia itu kelak.

Menurut Furco & Billig (2002), khidmat komuniti kerap dilaksanakan sebagai perkhidmatan belia. Sebagai kaedah pengajaran, pembelajaran perkhidmatan terbaik dikategorikan sebagai satu bentuk pendidikan pengalaman. Khususnya, pembelajaran perkhidmatan mengintegrasikan Khidmat komuniti bermakna dengan arahan dan renungan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran, mengajar tanggungjawab sivik, menggalakkan penglibatan sivik sepanjang hayat, dan mengukuhkan komuniti. Akta Perkhidmatan 1990, yang membenarkan pelajar menyertai program untuk memberikan perkhidmatan (Eyler & Giles, 1999).

Perkhidmatan seperti khidmat komuniti ini sering dilaksanakan oleh pelajar. Jika di luar negara Malaysia, khidmat komuniti ini dijadikan satu pembelajaran terhadap pelajar. Kaedah di mana pelajar belajar dan membangunkan melalui penyertaan aktif dalam perkhidmatan yang dianjurkan dan memenuhi keperluan komuniti yang diselaraskan dengan sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, atau program khidmat masyarakat, dan dengan masyarakat serta membantu memupuk tanggungjawab sivik. Khidmat komuniti disepadukan dalam meningkatkan kurikulum akademik pelajar (Furco & Billig, 2002)

Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum UTM telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1992. Kursus kokurikulum mula ditawarkan pada semester Julai sesi 1992/93 sekaligus diberikan pengiktirafan sebagai kursus akademik. Terdapat lebih kurang 70 kursus yang telah ditawarkan dan dipecahkan kepada lapan teras iaitu Kepimpinan, Kesukarelawan, Daya Usaha dan Inovasi, Khidmat Komuniti, Keusahawanan, Pengucapan Awam, Kebudayaan serta Sukan. Sekurang-kurangnya seramai 80 orang tenaga pengajar/ jurulatih terlibat mengandalkan aktiviti dan program kokurikulum di UTM. Mereka terdiri daripada staf dan khidmat dari orang luar.

Menurut Fuad (2011), program khidmat komuniti di UTM telah diadakan sejak tahun 1997. Program yang dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) ini adalah bertujuan membangunkan mini perpustakaan di luar bandar khususnya di kawasan kampung. Ia juga dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan anak-anak penduduk luar bandar yang sedang berada di bangku persekolahan. Selain program khidmat komuniti yang dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), terdapat banyak lagi program khidmat komuniti yang dianjurkan oleh UTM. Menjadi kebiasaan terdapat organisasi kecil yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang menganjurkan program khidmat komuniti ini.

Daripada lapan teras yang ditawarkan oleh Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum, teras khidmat komuniti merupakan fokus dalam kajian ini. Teras khidmat komuniti mempunyai tiga kursus iaitu Pemadam, Budi Penyayang serta UTM dan Khidmat Komuniti. Terdapat enam seksyen yang ditawarkan dalam kursus UTM dan Khidmat Komuniti. Menurut Faizah (2006), program khidmat komuniti ini memberikan penyedaran realiti kehidupan yang sebenar dan membantu golongan yang memerlukan bantuan dan akan menghalang individu daripada terbabit dalam kancas yang tidak sihat. Selain itu, program seperti ini akan meningkatkan kemahiran komunikasi, semangat kerjasama, kemahiran kepimpinan dan banyak lagi kemahiran yang boleh ditingkatkan dalam menyertai program ini.

### 1.3 Penyataan Masalah

Kemahiran insaniah merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran insaniah berkembang melalui proses semulajadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan (Megat Aman Zahiri, 2007). Pelajar perlu mempersiapkan diri mereka dengan Kemahiran insaniah dan menggarap kemahiran-kemahiran ini sewaktu mereka menuntut di IPT. Kemahiran insaniah boleh dikuasai oleh pelajar melalui beberapa cara. Secara umumnya, terdapat dua cara yang membolehkan mahasiswa menguasai Kemahiran insaniah, iaitu melalui pembelajaran langsung dan pembelajaran secara tidak langsung. Pembelajaran langsung bermaksud mahasiswa diterapkan dengan Kemahiran insaniah dalam sukatan pengajian mereka di universiti, manakala pembelajaran tidak langsung dapat difahami dengan penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut melalui aktiviti-aktiviti di luar bilik kuliah.

Kemahiran insaniah telah lama diperkatakan dan dibincangkan oleh para ilmuan dan penyelidik di serata dunia. Malaysia telah memperkenalkan Kemahiran insaniah ini dan menyenaraikan tujuh elemen yang perlu dikuasai daripada Kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini telah turut dibincangkan di semua peringkat sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun institusi pendidikan tinggi. Institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam lapangan akademik tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Menurut Sharifah Hapsah (2005; dalam Megat Aman Zahiri, 2007), jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta

pembelajaran sepanjang hayat. Menurut Megat Aman Zahiri, 2007, Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM meletakkan piawaian bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai rekabentuk yang menerapkan kemahiran insaniah.

Sehubungan dengan itu, pengkaji merasakan perlu untuk mengkaji tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM. Kajian ini diharap dapat memberikan beberapa pendekatan kepada pelajar supaya memperkemaskan diri mereka dengan kemahiran insaniah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengkaji tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM.

Secara khususnya objektif kajian adalah seperti berikut:

- i) Menenal pasti tahap peningkatan kemahiran insaniah (kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan) dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM.
- ii) Mengkaji hubungan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar.
- iii) Mengkaji perbezaan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar bagi pelajar kokurikulum UTM.



## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang menjadi asas kepada kajian ini merangkumi beberapa aspek seperti berikut :-

- i) Apakah tahap peningkatan kemahiran insaniah (kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan) dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM?
- ii) Adakah terdapat hubungan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar?
- iii) Adakah terdapat perbezaan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar bagi pelajar kokurikulum UTM?

## 1.6 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian ini adalah untuk melihat:


a) Hubungan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar, tujuh hipotesis telah dibentuk;

- Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran komunikasi dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran kerja berpasukan dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho3 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran kepimpinan dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran keusahawanan dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan kemahiran etika dan moral professional dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar
- Ho8 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap peningkatan semua elemen kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti pelajar kokurikulum UTM dengan aliran pengajian pelajar

b) Perbezaan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar bagi pelajar kokurikulum UTM, tujuh hipotesis telah dibentuk;

- Ho9 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran komunikasi dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho10 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran kerja berpasukan dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho11 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho12 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran kepimpinan dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho13 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho14 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran keusahawanan dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho15 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan kemahiran etika dan moral professional dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.
- Ho16 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap peningkatan semua elemen kemahiran insaniah dalam khidmat komuniti yang dilaksanakan di bandar dan luar bandar.

## 1.7 Kerangka Konsep



**Rajah 1.1** Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 merupakan kerangka kajian bagi kajian ini. Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas (aliran pengajian dan tempoh pengajian) dan pemboleh ubah bersandar (kemahiran insaniah). Dalam kajian ini, penyelidik akan mengenal pasti tahap kemahiran insaniah secara deskriptif. Terdapat tujuh kemahiran insaniah yang menjadi tumpuan penyelidik. Tujuh kemahiran insaniah itu ialah kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan.

Kemudian penyelidik akan mengenal pasti hubungan di antara kemahiran insaniah dengan aliran pengajian. Ini bagi melihat samada terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut atau tidak. Selain itu, penyelidik juga turut mengkaji perbezaan terhadap kemahiran insaniah bagi khidmat

komuniti di bandar dan di luar bandar. Penyelidik melihat samada terdapat perbezaan yang signifikan antara khidmat komuniti di bandar dengan khidmat komuniti di luar bandar terhadap kemahiran insaniah.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dilakukan ini akan memberi faedah kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pendidikan khususnya pelajar yang melibatkan diri dalam khidmat pembelajaran. Walaupun ia merupakan salah satu mata pelajaran kokurikulum, namun impak dari khidmat pembelajaran itu pasti akan membantu para pelajar dalam dunia kehidupan dan kerjaya mereka kelak. Selain itu antara pihak lain yang boleh mendapat faedah dari kajian ini ialah seperti berikut:

- (a) Memberi kesedaran kepada pelajar terhadap pengetahuan, kefahaman dan tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam khidmat pembelajaran sebelum pelajar melangkah ke dunia pekerjaan dan kehidupan yang lebih sempurna. Dengan kemahiran insaniah ini dapat membantu pelajar dalam memenuhi keperluan tenaga kerja negara.
- (b) Panduan kepada tenaga pendidik untuk menjadikan kajian ini sebagai gambaran dan kesedaran mengenai kepentingan kemahiran insaniah dalam khidmat pembelajaran bagi membantu melahirkan pelajar yang berkemahiran insaniah dalam menentukan hala tuju pendidikan kerjaya pelajar.
- (c) Memberi panduan kepada pihak institusi pendidikan dalam merancang untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara dengan kemahiran insaniah yang perlu ada pada pelajar. Kemahiran insaniah ini perlu dijadikan amalan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dan diterapkan dalam diri pelajar. Selain itu pihak institusi pendidikan boleh melihat dan menilai kembali tahap peningkatan kemahiran insaniah dalam pelaksanaan kokurikulum.

## **1.9 Limitasi Kajian**

Kajian ini akan melibatkan pelajar UTM yang mengikuti kursus di pusat kurikulum UTM. Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar yang mengikuti kursus bagi teras khidmat komuniti daripada lapan teras utama yang ditawarkan. Teras khidmat komuniti ini mempunyai tiga kursus yang ditawarkan oleh pihak pusat kurikulum UTM iaitu kursus pemadam, kursus budi penyayang dan kursus UTM dan Khidmat komuniti (Service Learning)

## **1.10 Definasi Terminologi**

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini memerlukan definisi yang terperinci. Istilah yang akan dikemukakan disini adalah berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Dengan adanya istilah ini, sesuatu aspek akan dapat difahami dengan mudah. Istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut:-

### **1.10.1 Kemahiran Insaniah**

Istilah kemahiran menurut Kamus Dewan Edisi Empat (2005), adalah kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu. Manakala istilah insaniah pula berkaitan dengan manusia. Insaniah merupakan istilah yang menunjukkan sifat

kemanusiaan. Apabila dua gabungan ini digabungkan menjadi kemahiran insaniah, ia menunjukkan kecekapan dan kepandaian yang ada dalam diri sebagai sifat kemanusiaan. Menurut A. Nasoruddin dan Zarina (2007), kemahiran insaniah merupakan suatu bentuk kemahiran yang lebih bersifat ke arah nilai dan pembentukan diri seseorang. Tambahnya lagi kemahiran insaniah ini merangkumi aspek-aspek kemahiran generik yang melibatkan elemen kognitif dengan kemahiran bukan akademik seperti kemahiran kepimpinan dan komunikasi.

Dalam kajian ini kemahiran insaniah membawa maksud kecekapan dan kepandaian yang ada dalam diri manusia. Terdapat tujuh kecekapan atau kepandaian yang ditengahkan dalam kajian ini. Ia melibatkan kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan.

### **1.10.2 Khidmat Komuniti**

Dalam kajian ini penyelidik lebih fokus kepada istilah “Service Learning” yang membawa maksud khidmat pembelajaran. Khidmat pembelajaran ini merupakan satu kaedah pengajaran yang menggabungkan arahan dengan perkhidmatan yang berkaitan dalam masyarakat. Kaedah pengajaran ini berpusatkan pelajar. Sebagai kaedah pengajaran, pembelajaran perkhidmatan terbaik dikategorikan sebagai satu bentuk pendidikan pengalaman. Khususnya, pembelajaran perkhidmatan mengintegrasikan khidmat masyarakat bermakna dengan arahan dan renungan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran, mengajar tanggungjawab sivik, menggalakkan penglibatan sivik sepanjang hayat, dan mengukuhkan komuniti. Pendidik akan memberi arahan untuk melaksanakan khidmat kepada masyarakat dengan ilmu yang dipelajari mereka. Aktiviti ini turut dikenali sebagai khidmat masyarakat. Penyelidik telah memilih untuk menggunakan istilah khidmat komuniti

kerana khidmat masyarakat membawa erti yang sama dengan istilah khidmat komuniti.

### **1.10.3 Pelajar kokurikulum UTM**

Pelajar kokurikulum UTM membawa maksud pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum di Pusat Kokurikulum UTM sebagai kredit mereka dalam pengajian. Penyelidik telah memilih untuk pelajar yang menyertai kursus bagi teras khidmat komuniti daripada laman teras utama yang ditawarkan di pusat kokurikulum UTM. Penyelidik telah memilih pelajar mengikuti kursus khidmat komuniti pada semester II 2012/2013.

## **1.11 Penutup**

Dalam bab ini penyelidik menerangkan pendahuluan kajian yang mengandungi pelbagai aspek termasuklah latarbelakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tempat kajian dan definisi konsep. Selain itu penyelidik juga telah menerangkan kerangka konsep bagi kajian ini. ini sangat membantu dalam mengenalpasti konsep penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Di dalam bab ini ianya lebih menerangkan tentang kajian yang akan dilakukan bagi memenuhi kehendak penyelidik.



## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusuf (2003). *Komunikasi untuk pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Abd Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin, Abd Jalil Othman, (2006). *Hala Tuju Pengurusan – Sumber Manusia dan Kerjaya*. Kuala Lumpur. Utusan Publication.
- Abdullah Sani bin Yahaya (2005). *Mengurus Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ahmad Sarji dan Abdul Hamid (2005). *Pengurusan Perkhidmatan Awam di Malaysia, Satu Tinjauan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ainon Mohammad (2003). *Komunikasi Berkesan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Arthur & Aminah. (1988). *Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia*. Kuala Lumpur.
- Chek Mat (2000), *Pengurusan Kualiti dan Perkhidmatan* Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Dr Tarcisius Chan (2007). *Huraian 1001 Istilah Pengurusan*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Esa, Ahmad and Mustafa, Mohamad Zaid (2010). *Kemahiran insaniah: kajian di institusi-institusi*. Penerbit UTHM. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Batu Pahat.

- Eyler J & Giles D (1999). *Where is the Learning in Service-Learning?* San Francisco: Jossey-Bass
- Faizah Yunus (2006). *Khidmat Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Furco A & Billig S (2002). *Service-Learning; The Essence of the Pedagogy*. United States of America: Information Age Publishing Inc.
- Hairunnaja Najmuddin (2006). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ishak b Mad Shah & Zainorazlin bt Md Nor (2003). Faktor-Faktor Kerja Berpasukan Dan Pengaruhnya Kepada Prestasi. *Jurnal Kemanusiaan*. Bil 2, Disember, 42-52, 2003
- Kaye C. B (2004). *The Complete Guide to Service Learning: Proven, Practical Ways to Engage Students in Civic responsibility, Academic Curriculum, & Social Action*. United States of America: Free Spirit Publishing Inc.
- Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010*. Putrajaya: Kementerian pelajaran Malaysia.
- Khalid Johari (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan Konsep & Prosedur*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Kiejcie, R.V. And Morgan, D.W. (1970). "Determining Sample Size For Research Activities." *Educational And Psychological Measurement*, 30; 607-610.
- Maimunah bt Muda (2004). Kepemimpinan Situasi Di Kalangan Pengetua Sekolah diMalaysia. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-12*, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohamad Zaid Mustafa, Ali Suradin, Badaruddin Ibrahim, Suffian Mastor, Kahirol Mohd Salleh, Ahmad Rizal Madar dan Nor Lisa Sulaiman (2008). Penguasaan

Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*. 22-23 Oktober 2008. Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Fuad bin Mohamed Yusof (2011, 14 September). Laporan Pra Lawatan CSR PSZ dan PPM(KS) ke Kampung Belukar Durian Sedili Kechil. Capaian 13 Disember, 2013, from <http://www.staff.blog.utm.my/mfuad/category/jk-khidmat-masyarakat/>

Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Nor bin Jaafar (2004). Kepimpinan Pengajaran Guru Besar, Komitmen dan KepuasanKerja Guru: Satu Kajian Perbandingan dan Hubungan Antara Sekolah Berkesan dengan Sekolah Kurang Berkesan. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-12*, Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2007). *Pengawai Perhubungan Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Rebecca Greene (2012). *Remaja dan Pembelajaran di Luar Lingkungan Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad

Saat Sulaiman (2008). *Usahawan Cemerlang*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Sufean Bin Hussin (2005). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Utusan (2012, 10 Desember). Program berunsur khidmat komuniti IPT bakal Diwujudkan. Capaian 20 Jun 2013, from

[http://www.utusan.com.my/utusan/Kampus/20121210/ka\\_03/Program-berunsur-khidmat-komuniti-IPT-bakal-diwujudkan](http://www.utusan.com.my/utusan/Kampus/20121210/ka_03/Program-berunsur-khidmat-komuniti-IPT-bakal-diwujudkan)

Yeop Hussin Bidin (2006). *Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Zainuddin Zakaria & Ziadatul Hidayah Zakaria (2006). *Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional